



JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



SIARAN AKHBAR
 BULETIN PERANGKAAAN SOSIAL, MALAYSIA, 2016

PENGENALAN

Buletin Perangkaan Sosial, Malaysia, 2016 memaparkan statistik sosial terpilih yang merupakan indikator asas bagi mengukur kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk peringkat nasional dan negeri. Bidang-bidang utama yang diliputi adalah penduduk, perumahan, kesihatan, pendidikan, guna tenaga, perkhidmatan kebajikan, keselamatan awam dan perhubungan & rekreasi. Statistik sosial terpilih dalam bidang kesihatan, pendidikan dan keselamatan awam dibentangkan seperti berikut:

A) KESIHATAN


Nisbah Doktor kepada Penduduk

Bilangan doktor meningkat daripada 45,565 orang (2014) kepada 46,491 orang pada 2015. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.0 peratus berbanding 2014. Nisbah seorang doktor kepada penduduk pada 2015 adalah 671 orang berbanding 674 orang pada 2014.


Nisbah Doktor Gigi kepada Penduduk

Pada 2015, bilangan doktor gigi juga menunjukkan peningkatan sebanyak 8.4 peratus berbanding 5,888 orang pada 2014 kepada 6,384 orang. Walau bagaimanapun, nisbah seorang doktor gigi kepada penduduk menunjukkan penurunan daripada 5,215 orang (2014) kepada 4,885 orang (2015).

Rajah 1: Nisbah personel perubatan kepada penduduk, Malaysia, 2014^f dan 2015



Rajah 2: Bilangan hospital dan klinik, Malaysia, 2014 dan 2015



Rajah 3: Bilangan katil^a hospital bagi setiap 100,000 penduduk, Malaysia, 2014 dan 2015



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota:


^a Pengiraan nisbah adalah berasaskan anggaran penduduk semasa yang terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

^f Dikemas kini

Demam Denggi

Kadar kejadian kes demam denggi meningkat daripada 357.49 bagi setiap 100,000 penduduk (2014) kepada 392.96 bagi setiap 100,000 penduduk (2015). Tiga negeri mencatatkan kadar kejadian kes demam denggi melebihi paras nasional iaitu Selangor (1,065.93 bagi setiap 100,000 penduduk), W.P.Kuala Lumpur (443.25 bagi setiap 100,000 penduduk) dan Johor (441.33 bagi setiap 100,000 penduduk).

Carta 1: Kadar kejadian kes demam denggi bagi setiap 100,000 penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2014 dan 2015



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota:
W.P. Kuala Lumpur termasuk W.P. Putrajaya

B) PENDIDIKAN

Nisbah Murid Guru di Sekolah Rendah

Bilangan guru sekolah rendah kerajaan & bantuan kerajaan adalah 233,365 orang pada 2015, iaitu meningkat sebanyak 1,133 orang berbanding 232,232 orang pada 2014. Nisbah murid guru di sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan di Malaysia pada 2014 dan 2015 masing-masing mencatatkan 11.7 dan 11.5.

Nisbah Murid Guru di Sekolah Menengah

Bilangan guru sekolah menengah kerajaan & bantuan kerajaan adalah 181,975 orang pada 2015, meningkat sebanyak 1,751 orang berbanding 180,224 orang pada 2014. Nisbah murid guru di sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan di Malaysia menurun daripada 12.5 (2014) kepada 12.0 (2015).

Rajah 4: Bilangan sekolah, guru dan pelajar, Malaysia, 2014 dan 2015

TAHUN	Bilangan sekolah		Bilangan guru		Bilangan pelajar	
	2015	2014	2015	2014	2015	2014
SEKOLAH RENDAH						
Kerajaan & bantuan kerajaan	7,763	7,758	233,365	232,232	2,683,992	2,709,340
Swasta	114	106	2,838	3,024	35,052	34,186
SEKOLAH MENENGAH						
Kerajaan & bantuan kerajaan	2,397	2,375	181,975	180,224	2,181,840	2,257,712
Swasta	164	160	6,932	7,159	108,891	109,910
INSTITUSI PENDIDIKAN LAIN						
Antarabangsa	113	100	4,261	4,543	46,326	41,754
Ekspatriat	13	14	395	404	4,587	4,778
Pendidikan khas	14	11	156	151	804	840




Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

C) KESELAMATAN AWAM

Kemalangan Jalan Raya

Statistik kemalangan jalan raya yang dilaporkan menunjukkan peningkatan pada tempoh 2014 (476,196 kes) hingga 2015 (489,606 kes). Walau bagaimanapun, bilangan kecederaan dalam kemalangan jalan raya yang dilaporkan menunjukkan penurunan daripada 13,030 kes (2014) kepada 11,552 kes (2015). Bilangan kematian dalam kemalangan jalan raya yang dilaporkan adalah 6,674 kes pada 2014 dan 6,706 kes pada 2015.


Rajah 5: Bilangan kemalangan jalan raya, kecederaan dan kematian yang dilaporkan, Malaysia, 2014 dan 2015



Sumber: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Polis Diraja Malaysia

Pada 2015, bilangan kejadian kemalangan jalan raya yang tertinggi berlaku sekitar jam 4.01–6.00 petang dengan 1,896 kes. Manakala bilangan kejadian kemalangan jalan raya yang terendah berlaku sekitar jam 4.01–6.00 pagi dengan 515 kes.

Carta 2: Kejadian kemalangan jalan raya yang dilaporkan mengikut masa, Malaysia, 2014 dan 2015



Sumber: Polis Diraja Malaysia

INFOGRAFIK BULETIN PERANGKAAAN SOSIAL, MALAYSIA, 2016

KESIHATAN

Nisbah personel perubatan kepada penduduk, Malaysia, 2014^f dan 2015

Nisbah doktor kepada penduduk^a



Nisbah doktor gigi kepada penduduk^a



Nisbah jururawat kepada penduduk^a



Bilangan hospital dan klinik, Malaysia, 2014 dan 2015



Bilangan katil^a hospital bagi setiap 100,000 penduduk, Malaysia, 2014 dan 2015



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota:

^a Pengiraan nisbah adalah berasaskan anggaran penduduk semasa yang terkini, Jabatan Perangkaan, Malaysia

^f Dikemas kini

PENDIDIKAN

Bilangan sekolah, guru dan pelajar, Malaysia, 2014 dan 2015

TAHUN	Bilangan sekolah		Bilangan guru		Bilangan pelajar	
	2015	2014	2015	2014	2015	2014
SEKOLAH RENDAH						
Kerajaan & bantuan kerajaan	7,763	7,758	233,365	232,232	2,683,992	2,709,340
Swasta	114	106	2,838	3,024	35,052	34,186
SEKOLAH MENENGAH						
Kerajaan & bantuan kerajaan	2,397	2,375	181,975	180,224	2,181,840	2,257,712
Swasta	164	160	6,932	7,159	108,891	109,910
INSTITUSI PENDIDIKAN LAIN						
Antarabangsa	113	100	4,261	4,543	46,326	41,754
Ekspatriat	13	14	395	404	4,587	4,778
Pendidikan khas	14	11	156	151	804	840



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

KESELAMATAN AWAM

Bilangan kemalangan jalan raya, kecederaan dan kematian yang dilaporkan, Malaysia, 2014 dan 2015



Jenayah harta benda dan kekerasan yang dilaporkan, Malaysia, 2014 dan 2015



Maklumat terperinci mengenai laporan ini boleh diakses melalui aplikasi [eStatistik](#) di laman web Jabatan Perangkaan Malaysia, www.dosm.gov.my.

DIKELUARKAN OLEH:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 Disember 2016

Dikeluarkan Oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 Disember 2016

Pegawai dihubungi:

Ho Mei Kei

Pegawai Perhubungan Awam

Bahagian Korporat & Khidmat Pengguna

Jabatan Perangkaan Malaysia

Tel : +603-8885 7942

Faks : +603-8888 9248

Emel : mkho[at]stats.gov.my